

18/10/1998

Cadangan KL jadi tumpuan persidangan

GEORGETOWN: Cadangan Malaysia supaya diwujudkan sistem kawal selia kewangan sejagat dan krisis mata wang yang melanda Asia Timur ketika ini dijangka menjadi perbincangan hangat sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, November ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sidang kemuncak itu adalah forum terbaik bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangkitkan isu berkenaan sebagai order baru kewangan dunia.

Menurutnya, beliau percaya sidang itu adalah peluang terbaik bagi Perdana Menteri menjelaskan mengenai pentingnya diwujudkan sistem kawal selia kewangan dunia.

"Dr Mahathir dapat menjelaskan secara terperinci cadangan berkenaan dan kenapa ia amat diperlukan bagi manfaat sistem kewangan dunia," katanya selepas mengadakan majlis pertemuan dengan ahli Umno bahagian Tanjung di sebuah hotel di sini semalam.

Abdullah berkata, negara anggota Apec, khususnya yang terjejas dengan krisis mata wang dapat sama berbincang dan mengadakan reformasi terhadap sistem kewangan sejagat yang ada.

Kelmarin, di Tokyo, Dr Mahathir menyatakan kesediaan Malaysia untuk menarik balik peraturan kawalan tukaran wang asing yang dilaksanakannya jika wujud sistem kawal selia kewangan sejagat yang seragam.

Dr Mahathir menegaskan, penyeragaman peraturan sistem kewangan sejagat perlu bagi membanteras kegiatan dana lindung nilai dan penyangak mata wang yang memiskinkan banyak negara Asia.

Beliau berkata, peraturan dan kaedah kawal selia sistem kewangan dunia yang boleh diguna pakai oleh semua negara akan menjadi pasaran kewangan sejagat lebih sihat.

Apec mempunyai 18 anggota termasuk Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina, China, China Taipei, Korea Selatan, Jepun, Chile, Brunei, Kanada, Mexico, Hong Kong, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan Papua New Guinea.

Russia, Peru dan Vietnam akan menjadi ahli Apec bulan depan apabila sidang kemuncak Apec diadakan pada 13 hingga 16 November ini.

Abdullah berkata, selain itu, Asean dan tiga lagi negara termasuk China, Jepun, Korea Selatan dan Sidang Ekonomi Asia Timur (EAES) juga akan turut menjadi forum penting diperingkat antarabangsa bagi Malaysia membangkitkan serta menjelaskan akan keperluan mewujudkan order baru kewangan dunia.

(END)